




MINGGU

5

WAJIB-WAJIB HAJI : NIAT DI MIQAT, LARANGAN DALAM IHRAM & MABIT DI MUZDALIFAH



*Hadirku sebagai Dhuyufurrahman
Kembaliku dengan kemabruran*

THCC +603 6207 1919
Tabung Haji Contact Centre

www.facebook.com/tabunghajj

www.twitter.com/tabung_hajj

www.tabunghajj.gov.my

TALBIAH LAFAZ & MAKNA

لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ، لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ،
إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ



Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu ya Allah.
Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu.
Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu.
Tuhan yang tiada sekutu bagi-Mu.
Hamba-Mu datang menyahut panggilanMu.
Sesungguhnya segala puji dan nikmat dan kerajaan
adalah kepunyaanMu, tiada sekutu bagiMu.

KANDUNGAN

01

Pengertian Wajib Haji

02

Wajib Haji 1: Niat berihram

- Pengertian dan Bahagian Miqat

03

Wajib Haji 2: Larangan Ihram

- 13 Larangan Ihram
- Pengertian Dam dan Jenis-jenisnya

04

DAM

05

Wajib Haji 3: Bermalam (Mabit) di Muzdalifah

PELAKSANAAN RUKUN DAN WAJIB HAJI

RUKUN HAJI

- 1 Niat Ihram Haji
- 4 Wuquf Di Arafah
- 10 Tawaf
- 11 Sa'ie
- 7 Bergunting/
Bercukur
- 12 Tertib Pada
Kebanyakan Rukun

WAJIB HAJI


- 2 Niat Di Miqat
- 3 Larangan Ihram
- 5 Bermalam (Mabit)
Di Muzdalifah
- 6 Melontar Jamrah
Kubra Pada 10 Zuhijjah
- 8 Bermalam (Mabit) Di
Mina 11, 12 & 13 Zulhijjah
- 9 Melontar Ketiga-tiga
Jamrah Pada 11, 12 & 13
Zulhijjah

TAHALUL
THANI

TAHALUL
AWAL


NAFAR AWAL
atau
NAFAR THANI

CARTA ALIRAN MENGERJAKAN HAJI




MINGGU 3

RUKUN HAJI: NIAT IHRAM , WUQUF DAN TAWAF



PERGERAKAN HAJI




PENGERTIAN WAJIB HAJI

- Wajib Haji ialah **Pekerjaan Yang Wajib Dilakukan** Ketika Mengerjakan Haji.
- Jika **Tidak Mengerjakan Salah Satu** Daripadanya **Haji Tersebut Tetap Sah Tetapi Dikenakan Dam** Menurut Syarat-syaratnya Dan Menanggung **Dosa Jika Meninggalkan** Perkara Tersebut Dengan **Sengaja**.



WAJIB HAJI



SUNAT IHRAM

● AMALAN SUNAT SEBELUM NIAT IHRAM

- Mengerat kuku
- Merapikan, misai dan rambut
- Menanggalkan bulu ketiak, ari-ari dan sebagainya
- Mandi sunat ihram
- Mengambil wuduk
- Memakai wangian pada badan
- Memakai minyak rambut
- Memakai kain ihram berwarna putih
- Solat sunat ihram

● AMALAN SUNAT SEMASA NIAT IHRAM

- Mengadap ke arah kiblat
- Berada dalam keadaan wuduk

● AMALAN SUNAT SELEPAS BERNIAT IHRAM

- Bertalbiah, berdoa, bacaan Al Quran & zikir
- Elak dari berbual kosong (lagha)

CARA PEMAKAIAN IHRAM



WAJIB HAJI 1

NIAT IHRAM DI MIQAT



NIAT IHRAM DI MIQAT

PENGERTIAN MIQAT

- Ketentuan tempat atau masa untuk berniat ihram

Bahagian Miqat

- Zamani (Sempadan Masa)
- Makani (Sempadan Tempat)




Jika berniat ihram setelah melintasi Miqat: Dikenakan Dam Tertib & Taqdir

NIAT IHRAM DI MIQAT

Miqat Makani (Sempadan Tempat)

“

Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas RA, bahawa Nabi S.A.W. telah menetapkan Bir Ali Zulhulaifah sebagai Miqat penduduk Madinah, Al-Juhfah untuk penduduk Syam, Qarnul Manazil untuk penduduk Najd dan Yalamlam untuk penduduk Yaman. Demikian Miqat yang telah ditetapkan untuk mereka dan untuk orang-orang yang hendak melakukan haji dan umrah. Adapun selain itu maka miqatnya dari tempat ia memulai, bahkan penduduk Makkah miqatnya dari Makkah.



Bukhari dan Muslim

NIAT IHRAM DI MIQAT

Miqat Zamani Bagi Haji lalah Bermula :


1 Syawal Hingga Seketika Sebelum Terbit Fajar Hari Yang Ke 10 Zulhijjah, Inilah Yang Dinamakan Bulan-bulan Haji.

Tidak Sah Ihram Haji Jika Dilakukan Di Luar Masa Tersebut Bahkan Jadilah Ihram Umrah



NIAT IHRAM DI MIQAT

Miqat Makani Luar Makkah



NIAT IHRAM DI MIQAT

- Bagi jemaah haji yang sudah berada di Makkah, Miqat Makani (Haji) dilakukan di hotel-hotel dan maktab-maktab di Tanah Haram
- Bagi jemaah haji boleh bermiqat (Haji) di mana-mana kawasan di Tanah Haram



Haji Tamatu' /Haji Qiran - Dikena Dam Tertib & Taqdir

13 PERKARA YANG DILARANG DALAM MASA IHRAM



Peringatan : Perkara & perbuatan yang tidak boleh dilakukan selama berada di dalam ihram bermula dari Niat Ihram sehingga Tahallul

LARANGAN IHRAM

PENGERTIAN

Larangan ihram adalah perkara dan perbuatan yang dilarang dilakukan selama dalam keadaan berihram dari mula berniat ihram sehingga Tahallul.

Seandainya dilakukan oleh orang yang sudah berniat ihram haji atau umrah, maka haji dan umrahnya tetap sah tetapi pelakunya dikenakan dam yang telah ditetapkan.

LARANGAN IHRAM

13 LARANGAN IHRAM

JENIS TARAFFUH (Bersuka/Berseronok/Berhias)

1. Menutup kepala (lelaki)
2. Pakaian bersarung (lelaki)
3. Menutup muka (perempuan)
4. Sarung tangan
5. Bau-bauan
6. Minyak di kepala & janggut
7. Muqadimah jima'
8. Bersetubuh
9. Nikah kahwin



Sengaja: Berdosa & dikenakan dam.

Tidak sengaja/Jahil: Tidak berdosa & Tidak dikenakan dam.

LARANGAN IHRAM

13 LARANGAN IHRAM

JENIS ITLAF (Menggugur/Menghilang/
Merosak/Membinasa)

10. Rambut atau bulu di badan
11. Kuku
12. Memburu & membunuh binatang buruan
13. Menebang, mencabut pokok atau tumbuh-tumbuhan



Sengaja: Berdosa & dikenakan dam

Tidak sengaja/Jahil: Tidak berdosa tetapi dikenakan dam

LARANGAN IHRAM

13 LARANGAN IHRAM

JENIS TARAFFUH (Bersuka/Berseronok/Berhias)

1. Menutup kepala (lelaki)
2. Pakaian bersarung (lelaki)
3. Menutup muka (perempuan)
4. Sarung tangan
5. Bau-bauan
6. Minyak di kepala & janggut
7. Muqadimah jima'

8. Bersetubuh

9. Nikah kahwin



Sengaja:

Berdosa & dikenai dam.

Tidak sengaja/Jahil:

Tidak berdosa &

Tidak dikenakan dam.

JENIS ITLAF (Menggugur/Menghilang/ Merosak/Membinasa)

10. Rambut atau bulu di badan
11. Kuku

12. Memburu & membunuh binatang buruan
13. Menebang, mencabut pokok atau tumbuh-tumbuhan



Sengaja: Berdosa & dikenakan dam

Tidak sengaja/Jahil: Tidak berdosa tetapi dikenakan dam.

Dam
Takhyir
& Taqdir

Dam
Takhyir
& Ta'dil

Dam
Tertib
& Ta'dil

Tiada Dam
Nikah
tidak sah

LARANGAN IHRAM

DAM

PENGERTIAN

Bahasa - Darah

Syara' - Ibadat gantian yang merupakan binatang Al-An'am yang disembelih seperti unta, lembu, kambing/kibasy atau gantinya daripada makanan di Tanah Haram atau puasa yang dikenakan ke atas mereka yang menunaikan haji atau umrah di atas sebab-sebab tertentu

*** Kadar secupak = SR5.00 (mula digunakan pada Musim Haji 1432H)**

LARANGAN IHRAM

Sebab Diwajibkan Dam

Meninggalkan wajib haji dan umrah.

Berlaku ihsar bagi orang yang telah berniat ihram (terhalang daripada menyempurnakan wuquf di Arafah, Tawaf atau Sa'ie dengan sebab ketakutan daripada musuh, penyakit dan sebagainya).

Melanggar nazar semasa mengerjakan haji.

Melakukan perkara-perkara yang dilarang dalam masa berihram (larangan dalam ihram).

Membuat Haji Tamattu' atau Qiran (menurut syarat-syarat yang wajib dibayar dam).

Luput wakaf di Arafah setelah berniat ihram dan meninggalkan Tawaf Wada' tanpa uzur Syari'e

JENIS-JENIS DAM

DAM TERTIB DAN TAQDIR

Maksud Tertib ialah mengerjakan satu demi satu mengikut tertib, bermakna tidak boleh dipilih atau diganti dengan yang lain kecuali tidak berkemampuan mengerjakannya. Taqdir pula merujuk kepada kadar dam tersebut yang telah ditetapkan oleh syarak.

DAM TAKHYIR DAN TAQDIR

Maksud Takhyir ialah boleh memilih antara jenis-jenis dam yang diwajibkan. Taqdir pula merujuk kepada kadar dam tersebut yang telah ditetapkan oleh syarak.




JENIS-JENIS DAM

DAM TERTIB DAN TA'DIL

Maksud Tertib ialah mengerjakan satu demi satu mengikut tertib, bermakna tidak boleh dipilih atau diganti dengan yang lain kecuali tidak berkemampuan mengerjakannya Ta'dil pula menukar kepada membayar dam dengan cara berpuasa jika tidak mampu.

DAM TAKHYIR DAN TA'DIL
Maksud Takhyir ialah boleh memilih antara jenis-jenis dam yang diwajibkan. Ta'dil pula menukar kepada membayar dam dengan cara berpuasa jika tidak mampu.



LARANGAN IHRAM

DAM TERTIB DAN TAQDIR



Sebab dikenakan dam

- 01 Ihram Tamattu' (dengan syaratnya)
- 02 Ihram Qiran (dengan syaratnya)
- 03 Tidak berihram di miqat
- 04 Luput wuquf di Arafah
- 05 Tidak melontar jamrah
- 06 Tidak mabit di Mina (dengan syaratnya)
- 07 Tidak mabit di Muzdalifah (dengan syaratnya)
- 08 Meninggalkan Tawaf Wada'
- 09 Melanggar nazar dalam mengerjakan haji

Menyembelih seekor kibasy / kambing/1 daripada 7 bahagian lembu/unta di Tanah Haram

Jika tidak mampu;



Berpuasa 10 hari : 3 hari semasa berihram dan 7 hari apabila balik ke tempatnya

Jika tidak mampu;



Hendaklah dikeluarkan 10 cupak makanan asasi


Jika tidak mampu;



Tertanggunglah di atas zimmahnya

LARANGAN IHRAM

DAM TERTIB DAN TA'DIL



Sebab dikenakan dam

Persetubuhan yang **merosakkan haji**, iaitu persetubuhan yang dilakukan sebelum Tahallul Awal atau sebelum selesai kerja-kerja umrah.

Haji perlu diqada' tahun berikutnya begitu juga qada' umrah.

*Suami sahaja yang dikenakan dam

Menyembelih seekor unta

Jika tidak berkuasa: menyembelih seekor lembu

Jika tidak berkuasa: digantikan dengan 7 ekor kambing



Jika tidak berkuasa: hendaklah membeli makanan dengan nilai seekor unta dan dibahagikan kepada fakir miskin di tanah haram

Jika tidak berkuasa: hendaklah berpuasa sejumlah hari mengikut bilangan cupak makanan yang dapat dibeli dengan nilai seekor unta



LARANGAN IHRAM

DAM TAKHYIR DAN TA'DIL

Sebab dikenakan dam

1. Memburu binatang yang halal di makan atau membinasakannya di Tanah Haram/Halal semasa dalam ihram
2. Memburu binatang yang halal di makan atau membinasakannya di Tanah Haram Makkah semasa tidak berihram

(Belalang adalah binatang buruan)

Atau

Memotong, menebang atau mencabut pokok di Tanah Haram Makkah (kecuali pokok mati)

Menyembelih binatang yang sesuai mengikut bandingan binatang yang diburu / pokok yang ditebang




Atau

Membeli makanan dengan nilai harga binatang yang diburu / pokok yang ditebang dan dibahagikan kepada fakir dan miskin di Makkah


Atau

Berpuasa sejumlah hari mengikut bilangan cupak makanan yang dapat dibeli dengan harga binatang yang diburu atau pokok yang ditebang, nilainya iaitu satu cupak satu hari



LARANGAN IHRAM

DAM TAKHYIR DAN TAQDIR



Sebab dikenakan dam

- ▶ Membuang/mencabut/mengunting 3 helai dan lebih rambut/bulu dari mana-mana anggota badan
- ▶ Memakai pakaian bersarung/berjahit (lelaki)
- ▶ Memotong/menanggalkan/membinasakan kuku
- ▶ Memakai wangi-wangian sama ada di badan, pakaian, makanan dan minuman atau menghisapnya ke dalam hidung
- ▶ Menutup muka atau sebahagian daripadanya (wanita)
- ▶ Memakai sarung tangan
- ▶ Memakai minyak di kepala/janggut/semua bulu di muka selain daripada bulu yang tumbuh di pipi dan dahi
- ▶ Melakukan perkara permulaan persetubuhan (dam lelaki sahaja)
- ▶ Melakukan persetubuhan selepas selesai Tahallul Awal tetapi belum selesai Tahallul Thani (dam lelaki sahaja)
- ▶ Melakukan persetubuhan selepas persetubuhan yang merosakkan haji (dam lelaki sahaja)

Menyembelih seekor kibas / kambing di tanah haram

Atau

Bersedekah kepada 6 orang fakir miskin sebanyak 2 cupak makanan tiap-tiap seorang

Atau

Berpuasa 3 hari

LARANGAN IHRAM

DAM IHSAR

Tertahan / Ditahan oleh musuh dalam perjalanan atau terkepong / berpenyakit. Terhalang dan tidak dapat memasuki Makkah, sedangkan ia sudah berihram.

Sebab dikenakan dam


Dam Ihsar juga boleh di guna pakai untuk menyelesaikan masalah wanita yang datang haid dan tidak dapat melakukan Tawaf Haji/Umrah kerana terpaksa balik segera ke Tanah Air. Begitu juga pesakit yang berpenyakit berat yang terpaksa dihantar balik ke Malaysia untuk rawatan lanjut (kedua-dua golongan ini, Haji/Umrahnya belum selesai).

Apabila wanita ini telah suci dan mandi hadas besar, begitu juga pesakit telah sembuh, hendaklah pergi lagi ke Tanah Suci Makkah menyelesaikan Haji/Umrah yang belum selesai

(HAJI BAGI HAJI DAN UMRAH WAJIB - PERTAMA KALI)

Menyembelih seekor kambing & bercukur/bergunting

Jika tidak berkuasa



Hendaklah membeli makanan dengan nilai seekor kambing dan dibahagikan kepada fakir miskin di tempat tahallul itu

Jika tidak berkuasa

Hendaklah berpuasa beberapa hari sebanyak bilangan cupak makanan yang dapat dibeli dengan nilai seekor kambing

WAJIB HAJI 3

BERMABIT DI MUZDALIFAH

Pengertian Mabrit di Muzdalifah

- Berada di bumi Muzdalifah walaupun seketika di antara separuh malam 10 Zulhijjah dan sebelum terbit fajar hari tersebut.



WAKTU MABIT

Mulai separuh malam 10 Zulhijjah sehingga sebelum terbit fajar



BERMABIT DI MUZDALIFAH



AMALAN SUNAT

- Talbiah
- Berdoa
- Berzikir
- Solat Sunat
- Mengutip anak-anak batu

PENGECUALIAN MABIT JIKA UZUR

- Takut terancam keselamatan diri atau harta
- Menjaga atau menemani orang sakit
- Mencari pekerja atau keluarga yang hilang
- Berpenyakit dan sukar bermalam
- Terpaksa seperti ditinggalkan kenderaan



Jika meninggalkan Mabit di Muzdalifah tanpa uzur syari'e adalah berdosa dan diwajibkan Dam Tertib & Taqdir.

*Hadirku sebagai Dhuyufurrahman
Kembaliku dengan Kemabruran*

SEMOGA SEMUA BAKAL JEMAAH HAJI YANG DIKASIHI
DIBERIKAN OLEH ALLAH S.W.T

KESABARAN & KETENANGAN

SERTA DIDOAKAN MENDAPAT SEBAIK-BAIK

GANJARAN

Haji & Umrah Yang Mabror

